

CNS7508

U GB 06-09 00169 BA721

aab

SIDANG NAM TERIMA PENDIRIAN MALAYSIA TENTANG BOSNIA  
Nam-Mahathir

JAKARTA, 6 Sept (bernama) -- Malaysia berjaya mendesak Pergerakan Berkecuali (NAM) mengeluarkan satu pernyataan tegas tentang isu Yugoslavia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, pernyataan tegas itu dipersetujui pada satu perbincangan biro persidangan NAM malam tadi yang dianggotai oleh Malaysia dan dipimpin oleh Presiden Suharto, selaku pengerusi pergerakan tersebut.

+Pergerakan itu akhirnya bersetuju supaya Serbia disebut dalam pernyataan itu sebagai pihak yang melakukan tindakan tak berperikemanusiaan dan melanggar sempadan, di Bosnia-Herzegovina,+ katanya pada persidangan akhbar untuk wartawan Malaysia di sini pada hari terakhir Sidang Kemuncak ke-10 NAM.

Pernyataan itu akan dikemukakan kepada sidang pleno terakhir pagi ini dan apabila diterima oleh sidang berkenaan akan menjadi kesepakatan pergerakan itu terhadap isu Yugoslavia, kata beliau.

Malaysia, yang lantang membangkitkan isu itu, pada mulanya tidak berpuas hati dengan draf pernyataan itu kerana hanya mengutuk keganasan di Bosnia-Herzegovina tetapi tidak menyalahkan mana-mana pihak yang bertanggung jawab. -- Lagi

▼06/09/13-04MST

U GB 06-09 00155 BA722

aab

Nam-Mahathir 2 Jakarta

\*Saya berpuas hati akhirnya pergerakan itu mengeluarkan satu pernyataan yang tegas terhadap isu tersebut yang lebih secukupnya dengan pandangan kita,+ katanya.

+Ini masalah besar ... sebab itu NAM perlu tegas,+ katanya sambil menambah kata, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Persidangan Eropah mengenai Yugoslavia juga mengambil sikap tegas terhadap masalah Yugoslavia.

+Tentulah ganjil kalau NAM yang dianggap sebagai suara radikal dalam soal-soal seperti ini, mengambil sikap lembut,+ kata Dr Mahathir, yang pulang ke Kuala Lumpur pagi ini setelah menghadiri Sidang Kemuncak NAM sejak Selasa lepas.

Perdana Menteri berpendapat negara-negara yang pada mulanya tidak mahu pernyataan tegas kerana kluatir keadaan yang sama seperti di Yugoslavia boleh berlaku di negara masing-masing kerana mereka mempunyai pelbagai kumpulan etnik.

+Kita sedar mereka bukanlah tidak memandang berat terhadap perbuatan kejam yang dilakukan di Bosnia tetapi mereka kluatir ianya mempunyai implikasi politik di negara mereka,+ katanya. -- Lagi

▼06/09/13-12MST

U GB 06-09 00143 BA726

aab

NAM-Mahathir 3 Jakarta

Perbincangan mengenai Yugoslavia sejak persidangan persiapan peringkat pegawai tinggi dan menteri luar mencetuskan perdebatan sengit apabila Malaysia mempertikaikan keanggotaan Yugoslavia dalam pergerakan itu.

Malaysia tidak mengiktiraf Serbia dan Montenegro sebagai pewaris kepada keanggotaan Yugoslavia lama yang merupakan salah satu daripada lima pengasas NAM pada tahun 1961.

Malaysia juga mendesak pergerakan itu mengambil pendirian tegas mengutuk Serbia kerana mencerobohi Bosnia-Herzegovina yang kini diterima menjadi pemerhati dalam pergerakan itu bersama-sama dengan Slovenia, sebuah lagi bekas komponen persekutuan Yugoslavia.

Menteri-menteri Luar NAM mengambil keputusan mengenai keanggotaan Yugoslavia dalam pergerakan itu apabila mereka bermesyuarat di New York semasa menghadiri perhimpunan agung PPB pertengahan bulan ini.

Menteri Luar Yugoslavia, Vladislav Jovanovic memberitahu Sidang Kemuncak NAM, adalah sukar bagi Belgrade memahami mengapa ia dicap sebagai penceroboh sedangkan negara itu bersedia mengiktiraf wilayah Bosnia-Herzegovina. -- Lagi

▼06/09/13-26MST

CNS7520

U GB 06-09 00127 BA727

aab

NAM Mahathir-Yugoslavia 4 (Akhir) Jakarta

Mengulas kenyataan itu Dr Mahathir berkata: +Kita mengalu-alukan kenyataan itu tetapi ianya mesti diikuti dengan tindakan.

+Kenyataan seumpama itu dibuat berkali-kali tapi tak disusuli dengan tindakan.+

Sementara itu, Pemangku Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Halim Ali berkata, pergerakan itu pada persidangan biro NAM juga bersetuju memasukkan pernyataan tentang konflik di Yugoslavia dimasukkan ke dalam dokumen akhir persidangan.

+Kita gembira pendirian tegas pergerakan itu terhadap isu Yugoslavia dimaktubkan ke dalam dokumen persidangan,+ katanya.

Dalam satu reaksi segera seorang anggota delegasi Yugoslavia, Pavle Jerremovic, yang ditemui pagi ini, berkata, negara itu belum dimaklumkan mengenai pendirian NAM terhadap isu tersebut.

Katanya, bagaimanapun, Yugoslavia tentunya tidak bersetuju dengan pernyataan seperti itu. -- Bernama